

11 JAN 2003

MAHATHIR-JEPUN/I

MENTERI KEWANGAN JEPUN KUNJUNGI DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 11 Jan (Bernama) -- Menteri Kewangan Jepun Masajuro Shiokawa, yang sedang dalam rangka lawatan selama dua hari ke Malaysia, hari ini mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di sini.

Shiokawa, yang tiba di sini, semalam juga dijadualkan menemui Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi lewat hari ini.

Shiokawa, yang juga pengerusi Persatuan Jepun-Malaysia di Jepun, akan menemui ketua-ketua perniagaan Jepun di Malaysia.

Jepun dan Malaysia merupakan rakan dagangan utama dengan Tokyo menjadi antara pasaran eksport utama Malaysia.

Ia menerima 10.6 peratus daripada eksport Malaysia pada Oktober 2002 bernilai RM4.3 bilion, naik sebanyak 6.3 peratus daripada bulan sebelumnya terutamanya berikutan peningkatan dalam pengambilan gas asli cecair, barangan elektrik dan elektronik dan barangan kayu (19.3 peratus).

Import dari Jepun pada Oktober tahun lalu bernilai RM4.9 bilion. --

BERNAMA

FAY MR ZK